

10/02/2001

Fomca anjur pertandingan esei

PERTANDINGAN menulis esei dan melukis poster peringkat kebangsaan sempena Kempen Kembali Kepada Asas yang dianjurkan Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) mendapat sambutan menggalakkan.

Pengarah Eksekutif Fomca, Randhir Singh Johl berkata setakat ini, pihaknya menerima lebih 300 penyertaan untuk menulis esei, manakala lebih 60 penyertaan diterima untuk pertandingan melukis poster.

Katanya, pihaknya terharu dengan sambutan itu yang membuktikan orang ramai peka dengan isu pengguna dan hak mereka.

"Kami juga sudah mengedarkan borang penyertaan ke lebih 1,600 sekolah menengah seluruh negara dan masih menunggu maklum balas dari mereka," katanya ketika dihubungi hari ini.

Pertandingan yang diadakan sempena sambutan Hari Pengguna Sedunia yang bermula 11 Januari hingga 28 Februari depan, dibahagikan kepada dua kategori iaitu pelajar sekolah (17 tahun ke bawah) dan terbuka (17 tahun ke atas).

Topik esei itu meliputi lapan hak pengguna yang digariskan iaitu kefahaman saya terhadap;

1. Hak untuk mendapat keselamatan
2. Hak untuk mendapat maklumat
3. Hak untuk mendapat kemudahan dan perkhidmatan asas yang baik
4. Hak untuk diwakili
5. Hak untuk menuntut ganti rugi
6. Hak untuk memilih
7. Hak untuk mendapatkan pendidikan pengguna
8. Hak untuk mendapat persekitaran yang sihat

Esei itu boleh ditulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dan tidak melebihi 1,000 perkataan. Hadiah pertama bagi kedua-dua kategori itu ialah wang tunai berjumlah RM1,000, kedua (RM500), ketiga (RM300) dan RM100 bagi lima pemenang hadiah saguhati.

Hadiah kepada pemenang akan disampaikan pada 13 Mac sempena Konvensyen Pengguna Kebangsaan.

Selain itu, turut diadakan, Konvensyen yang bertemakan Gandingan Pintar Tentukan Perjuangan Bersama pada 13 dan 14 Mac, membabitkan perbentangan kertas kerja, forum, soal jawab dan bengkel oleh pakar pengguna dari dalam dan luar negara.

Kemuncak sambutan itu ialah majlis makan malam perdana yang akan dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 16 Mac di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra.

Perdana Menteri juga akan melancarkan majalan bulanan Fomca, Consumer Digest, laman web interaktif dan program baru Fomca.

(END)